

THE TITAN

Industry View
KELEBIHAN
PELABURAN
EMAS

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

21 OGOS 2022 | BIL: 21
www.richworks.com

NURUL MARJAN

TAUKE EMAS TERSOHOR KELANTAN



الله أَكْبَر



MAJUKAN SENDIRI PERNIAGAAN MILIK BAPA

Jika dahulunya Nurul Marjan Sakinah Harith takut untuk bercakap di khalayak ramai, kini beliau sudah mampu melakukan coaching session bersama ejen-ejen di bawahnya.

"Dulunya saya sangat takut kalau kena berucap, nak pegang microphone pun terketar. Sekarang alhamdulillah, saya boleh bercakap dengan yakin apabila berdepan dengan orang ramai," jelasnya.

Itulah antara perubahan yang dirasai Marjan selepas menyertai program anjuran Richworks di bawah bimbingan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

Mengusahakan perniagaan barang kemas yang

diasaskan keluarganya di bawah jenama HM Gold Jewellery, siapa sangka beliau pada asalnya merupakan seorang akauntan kini bergelar 'tauke emas'.

"Saya rasa bosan dengan rutin kerja terdahulu sebab itu bukanlah budaya kerja yang dimahukan. Pada 2016, saya ambil keputusan untuk letak jawatan dan bekerja dengan bapa di kedai emasnya sebagai jurujual.

"Bila sudah berkahwin barulah tercetus idea untuk memulakan perniagaan emas dalam talian. Pada mulanya saya tak tahu bagaimana nak uruskan dan menggunakan akaun bank peribadi untuk melakukan transaksi perniagaan," ujarnya.

Marjan mula menyertai program anjuran



Richworks pada November 2019 di mana ketika itu ialah beliau baru membuka akaun media sosial khas seperti Instagram dan Facebook untuk perniagaan.

"Sebelum itu tiada apa-apa peningkatan dan bermulalah pada 2019 kita kembangkannya.

"Asalnya daripada satu meja sahaja sehingga 2020 kami berjaya membuka cawangan fizikal kedua. Jualan online juga diperkasakan sebagai pemasaran untuk kedai. Win-win situation bak kata orang kerana orang Kelantan pasti akan ke sana," tambahnya.

BELI BARANG KEMAS DI MEDIA SOSIAL

Memanfaatkan sepenuhnya kuasa media sosial, Marjan mendigitalkan segala platform pemasaran yang ada agar masyarakat di luar Kelantan juga tahu mengenai perniagaan yang diusahakannya.

Bagi terus mempromosikan perniagaan, beliau tidak henti melakukan live dan menghasilkan kandungan menarik di media sosial.

"Kalau tidak buat begitu, bagaimana mereka nak tahu? Orang juga tidak akan tahu design apa yang sedang viral sekarang.

"Selain itu, ramai orang yang kena tipu dalam urusan jual beli emas lebih-lebih lagi dengan scammer. Benda-benda ini ada masyarakat yang tak tahu. Jadi, kita di sini cuba untuk membantu," jelasnya lagi.

KUALITI VS KUANTITI

Tidak melakukan secara semborono, itu yang dipegang oleh Marjan.

Beliau turut memfokuskan pada kualiti ejen agar mereka turut mendapat kepercayaan daripada para pelanggan di luar sana.

“

TITAN IS MY FAMILY. DATUK WIRA DR. AZIZAN OSMAN SEBAGAI MENTOR SENTIASA MEMBERIKAN ILMU BARU KEPADA SAYA.”



“Kita akan jaga betul-betul sehingga menjadi trusted agent dan dapat berfikir serta bertindak seperti kita.

“Ia memang memerlukan masa kerana mereka memerlukan pengetahuan mengenai emas. Kita juga membentuk leader supaya dapat membantu dalam urusan perniagaan dan juga memperkuatkan jenama itu sendiri,” ujarnya.

Selain itu, Marjan mengakui ‘keluarga’ di Titan banyak membantunya daripada soal perkembangan diri hingga ke perniagaan.

“Titan is my family. Datuk Wira Dr. Azizan Osman sebagai mentor sentiasa memberikan ilmu baru kepada saya.

“Bila saya hilang semangat, saya akan mencari circle Titan. Kiranya mereka memang menjadi pelengkaplah. Banyak yang saya dapat baiki daripada segi percakapan, membina kepercayaan dan banyak lagi,” katanya.



TETAPKAN NIAT YANG BAIK

Di samping itu, beliau juga turut belajar untuk menjadi lebih positif dan berdisiplin selain membentuk hubungan yang lebih baik bersama staf dan ejen.

"Jika dahulu saya mudah kecewa tetapi kini saya boleh positifkan diri walau apapun cabaran yang mendarat dan menukar ke mod auto focus kerana memikirkan saya perlu cari duit untuk bantu keluarga di saat kecemasan termasuklah staf dan ejen di bawah saya.


"Kita sebenarnya rasa susah nak buat sesuatu perkara itu sebab diri kita sendiri. Nak tadbir negara tak sesusah menjaga diri sendiri. Sebab itulah kita memerlukan circle yang betul baru boleh improve," tambahnya.

Sebelum mengakhiri bicara, beliau sempat menitipkan beberapa pesanan buat usahawan yang mahu mencapai kejayaan dalam bidang yang diusahakan suatu hari nanti.

"Trust the process. Cabaran makin lama makin susah. Bila anda berada di atas bermakna makin ramai orang yang anda perlu handle.

"Oleh itu, belajarlah untuk meningkatkan skil kepimpinan anda kerana ia mempunyai impak yang sangat besar dalam sebuah organisasi. Kebiasaan orang akan kata bila kedudukan di atas pastinya selesa.

"Namun, untuk saya sebenarnya tugas itu menjadi semakin bertambah kerana semakin banyak isu yang perlu difikirkan bila berada di atas. Jadi, anda haruslah sentiasa bersedia untuk menjalankan tanggungjawab tersebut," ujarnya menutup bicara.



PENCAPAIAN

Daripada 15 orang staf, HM Gold Jewellery kini mempunyai 50 orang staf di bawahnya.

Pada 2020, mereka telah berjaya membuka cawangan kedai emas yang kedua.

Selain itu, mereka juga mempunyai wisma sendiri khusus untuk perniagaan dalam talian yang dimiliki selepas pandemik yang berlaku dua tahun lalu.

Berjaya mencapai sehingga RM104 juta jualan pada 2021, mereka mensasarkan untuk mencapai jumlah jualan yang lebih baik pada 2022 iaitu sehingga RM200 juta.

Jika anda mahu mengetahui lebih lanjut mengenai HM Gold Jewellery, bolehlah layari Facebook @hmgoldjewellery.

50 JUTAWAN BANTU BISNES ANDA

Nurul Marjan
Sakirah Harith,
Co-Founder
HM KEDAI EMAS

SERTAI KAMI DI

TITAN SUMMIT 2020

1 - 3 MEI 2020

#InisiatifTitan #SokongPerniagaanKecilSederhana

RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

NASIHAT MARJAN SAKINAH



PERTAMA, konsisten dalam perniagaan.

"Jangan kejap-kejap nak lompat. Dua tiga bulan kemudian buat bisnes lain pula. Itu yang membuatkan anda nampak tidak profesional," tegasnya.

KEDUA, fahami produk jualan.

"Jika anda sendiri tidak mengerti, itu akan memberikan kesusahan buat anda nanti," katanya.

KEDUA, fokus pada sesuatu perkara.

"Tidak perlu terlalu ghairah untuk melakukan pelbagai perkara dalam satu masa. Jangan fokus nak buat macam-macam. Bila sudah faham dengan sebaiknya barulah mudah untuk naik ke tahap yang lebih tinggi," jelasnya.

KETIGA, cari circle yang baik.

"Circle yang betul semestinya dapat membantu anda meningkatkan keupayaan diri ke tahap yang lebih tinggi," ujarnya.

KEEMPAT, tidak putus asa.

"Saya tidak akan patah semangat biarpun saya belum mencapai sasaran yang diimpikan," katanya lagi. 

KELEBIHAN PELABURAN **EMAS**



Tahukah anda, Malaysia adalah negara yang terbaik untuk membeli barang kemas kerana tiada sebarang cukai terhadap barang kemas berbanding dengan banyak negara lain.

Oleh itu harga barang kemas di Malaysia jauh lebih rendah berbanding negara lain.

Rakyat Malaysia juga kini lebih sofistikated dan lebih berpengetahuan mengenai pasaran emas.

Di Malaysia, pelanggan membeli emas sepanjang tahun. Mengapa emas menjadi pilihan?

PELABURAN BERDIRI SENDIRI

Semua aset terikat kepada sesuatu, seseorang atau sistem tertentu. Contohnya, saham terikat kepada pengurusan dan prestasi syarikat. Bon terikat kepada penerbitnya manakala wang tunai terikat kepada kekuatan ekonomi kerajaan.

Emas pula berdiri sendiri kerana ia tidak terikat kepada aset kewangan lain. Tidak terikat kepada sesuatu, seseorang atau apa-apa sistem. Menjadikan emas adalah wang dengan sendirinya.

Tambahan pula, emas tidak perlu sebarang laporan, rekod atau geran pegangan. Jika kita tak memberitahu seseorang, tiada seorang pun akan tahu berapa banyak emas yang kita miliki.

Tapi jangan lupa, untuk membayar zakat bila sudah cukup haulnya.

Tidak seperti wang kertas perlu diperakui oleh kerajaan sesebuah negara sah diperakui untuk transaksi.

Emas bukan dianggap matawang dalam sistem kewangan. Wang kertas yang digunakan untuk transaksi.

Sekarang ini matawang sudah beransur-ansur beralih kepada wang bentuk digital dan kita melihat nombor-nombor tersebut bertambah dan berkurangan.

Berlainan emas, kita melihat aset fizikal dengan beratnya yang diketahui nilainya.

ASET SELAMAT

Pada kadar sederhana selepas pengumuman kenaikan Overnight Policy Rate (OPR) kepada 2.0 peratus oleh Bank Negara Malaysia (BNM), bank-bank pusat di seluruh dunia juga dijangka akan menaikkan lagi kadar faedah.

Apabila berlakunya keadaan ekonomi yang tidak stabil, para pelabur akan berpindah kepada aset yang lebih selamat iaitu emas.

Inflasi akan menyebabkan harga barang dan perkhidmatan semakin mahal.

Apabila nilai wang semakin melemah, pelabur akan memindahkan wang mereka kepada emas untuk melindung kejatuhan nilai mata wang.

ASET SANGAT CAIR

Emas fizikal adalah aset yang sangat cair berbanding aset fizikal alternatif lain seperti rumah dan tanah.

Anda boleh mengambil wang dari logam ini dengan mudah dan di mana sahaja malahan semua negara di dunia boleh anda tukarkan emas kepada mata wang negara tersebut.

Emas merupakan aset yang paling mudah ditukarkan kepada tunai.

HARTA WANITA

Barang kemas ibarat simpanan kecemasan bagi seorang wanita kerana nilainya tak akan rugi jika dijual atau digadai pada waktu terdesak.

Namun bagi sesetengah wanita pula, memakai barang kemas ibarat memberi satu aura padanya.

Apa sekalipun pendapat, ia terpulang pada niat masing-masing. Ini kerana kecil atau besar jenis barang kemas yang dibeli itu, semuanya untuk keperluan masa depan.

Ada yang beranggapan jika simpan duit, lama-lama akan habis tapi bila beli emas, bolehlah dijadikan simpanan.

Malah bila dah berkahwin, seandainya diuji masalah kewangan, barang kemas ini juga boleh membantu. Sekurang-kurangnya boleh digadai dulu atau jual jika betul-betul terdesak.

EMAS 'EVERGREEN'

Emas fizikal yang kita simpan berapa lama sekali pun akan dinilai harganya mengikut harga terkini melalui timbangan.

Harga emas yang dibeli oleh emak dan nenek kita mungkin pada harga RM100 segram dahulu, hari ini akan jadi berganda-ganda walau pada berat yang sama.

Emas juga boleh dikategorikan sebagai harta pusaka yang amat bernilai dan mempunyai nilai sentimental yang tinggi.

Misalnya, gelang emas yang diturunkan ke anak cucu. Barang kemas ketika majlis perkahwinan atau hadiah daripada ibu mertua kepada menantu.

**HARGA EMAS YANG
DIBELI OLEH EMAK DAN
NENEK KITA MUNGKIN
PADA HARGA RM100
SEGRAM DAHULU,
HARI INI AKAN JADI
BERGANDA-GANDA
WALAU PADA BERAT
YANG SAMA.**

Emas adalah satu aset yang terbukti menguntungkan bagi pembeli dan peminatnya, pelaburan untuk barang emas patut diteruskan kerana selain dipakai sebagai perhiasan ia mempunyai nilai pelaburan yang terbaik. ●



**Business
Evaluation
Success
Transformation**

best



SETIAP SABTU | 10 pagi – 12 tengahari



**KITA SEDANG BERDEPAN EKONOMI KRISIS GLOBAL!
Adakah ANDA sebagai Usahawan
TAHU NAK BUAT APA dengan
Bisnes anda sekarang?**

richworks.com/best

Lokasi: Pejabat RichWorks, RichQ, Shah Alam



RICHWORKS™
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X BINA BISNES BERJAYA²⁰²²

**BAKAL DIBAWAKAN KHAS
BUAT BANGSA USAHAWAN
OKTOBER INI!**

Perkuatkan bisnes ANDA
mendepani cabaran masa ini

Jadi bangsa usahawan terawal
dapatkan tempat & maklumat terkini -
program-program keusahawanan
RichWorks dalam menyokong ANDA.



Prapendaftaran
dengan imbas
kod QR tertera atau layari
www.binabisnesberjaya.com
sekarang!



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™
THE TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.